



DAHSYATNYA
KUASA
SELAWAT &
DOA

HIMPUNAN 25 SELAWAT DAN 56 DOA DARIPADA AL QURAN

PRAKATA OLEH :
TUAN GURU SHEIKH MUHAMMAD NOURUDIN AL BANJARI AL MAKKI
ULAMA BESAR NUSANTARA

DATO PADUKA AL-SYEIKH FADHIL BIN HAJI AWANG
MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ABU MUHAMMAD MUTAWALLI
(MOHD ZAKIR BIN MAJID)

Selawat dan Kelebihannya!

Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

al-Ahzab:56

1. Nur atau cahaya pada hari kiamat dan kegelapan atas titian sirat mustaqim
2. Bertemu Allah dalam keadaan diredhaiNya.
3. Dipermudahkan urusan yang sukar.
4. Dimudahkan rezeki dan ditunaikan hajat keperluannya.
5. Penyelamat daripada kekalutan hari kiamat.
6. Dikenali oleh Baginda ﷺ ketika melalui telaga Kautsar di hari kiamat.
7. Paling banyak isteri dalam syurga.
8. Dekat kedudukan dengan Rasulullah ﷺ dalam syurga.
9. Dipayungi Arasy Allah di Mahsyar.
10. Diampunkan dosa oleh Allah SWT.
11. Terhindar daripada penyakit taun dan lain-lain lagi.





PRAKATA OLEH

DATO PADUKA AL-SYEIKH
FADHIL BIN HAJI AWANG



PRAKATA OLEH

TUAN GURU SHEIKH MUHAMMAD
NOURUDIN AL BANJARI AL MAKKI

DAHSYATNYA
KUASA

SELAWAT & DOA

HIMPUNAN 25 SELAWAT DAN
56 DOA DARIPADA AL QURAN

PUSTAKA PERDANA



1013512

ABU MUHAMMAD MUTAWALLI
(MOHD ZAKIR BIN MAJID)

Cetakan Pertama : Oktober 2022

Cetakan Kedua : Januari 2023

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa apa bentuk atau dengan alat apa jua sekalipun, kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Makku Sayang Enterprise.

Editor : Syafiq Aizat Mahamad Fuad
Desain Reka Bentuk : Abu Azzahra
Desain Cover : Abdullah Afiq (Kun Anta)
Penulis : Abu Muhammad Mutawalli
Judul Buku : Dahsyatnya Kuasa Selawat & Doa
Nombor ISBN : 9789 - 6719 - 367 - 2 - 6

Untuk pembelian secara pukal mahupun persendirian, sila berhubung terus dengan pegawai khidmat pelanggan kami di talian berikut ;

017 592 8097 - Ustazah Asma'

011 6146 1362 - En Mutawalli

011 3030 6192 - En Abdullah

Diterbitkan oleh :

MAKKU SAYANG ENTERPRISE

No Pendaftaran : 202003293137 (PG0501883-X)

No 21, Kg Tok Keling,

Mukim Derga,

05400 Alor Star,

Kedah DA

Dicetak Oleh :

PrintEXPERT Press Kedah

Lot 5, Bazar MARA Kerpan,

06150, Ayer Hitam,

Kedah Darul Aman

017 3210 218

297.380

4110



BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

— IN THE NAME OF ALLAH —

PRAKATA TUAN GURU SHEIKH MUHAMMAD NOURUDIN AL BANJARI AL MAKKI



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ ابْنِ عَبْدِ اللَّهِ،
النَّبِيِّ الْأَكْرَمِ، وَالرَّسُولِ الْأَعْظَمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ سَارَ
عَلَى نَهْجِهِ إِلَى يَوْمِ الرَّحَامِ. أَمَّا بَعْدُ: أَحْبَابَنَا فِي اللَّهِ:

Di antara daripada *asliyah imaniah* atau senjata seorang mukmin yang terabaikan di zaman kita sekarang itu adalah senjata al-zikir doa dan munajat.

Sebagaimana telah kita ikuti dalam paparan sejarah ternyata para pejuang kita terdahulu, kemenangan yang mereka dapatkan itu tidak hanya bergantung kepada jumlah bilangan prajurit atau tentera yang banyak atau ramai atau kepada persiapan persenjataan pertahanan yang mantap, tapi fil muqaddimah pada urutan yang paling di depan sekali itu adalah l'dat takwini persiapan batin dan komunikasi erat mereka dengan Allah Jalla Wa'ala dalam zikir doa dan munajat.

Mungkin dengan kita, kita dapat mengambil contoh '*ala sabilil mithal* seperti pada peristiwa Perang Badar.

Segala-galanya dengan musuh, politiknya dengan musuh, kekuatannya dengan musuh, perekonomiannya dengan musuh, bilangannya dengan musuh, segala-galanya dengan musuh.

Kira-kira seperti apa mampu bertahan 313 orang dengan jumlah bilangan pasukan musuh tidak kurang daripada 1000.

Semampu apa boleh bertahan jumlah bilangan tidak lebih daripada satu ekor kuda dengan 80 lebih kurang ekor unta yang disilih gantikan oleh 300 orang sahabat. يتعاقبون بالإبل الواحد mereka bersilih ganti untuk menanggung satu ekor unta itu sampai kepada tiga atau empat orang.

Kemudian dari sudut persiapan, mereka tidak siap.

Tujuan tidak lebih daripada untuk menghalang perjalanan kafilah dagang yang kembali daripada negeri Syam. Bukan untuk berperang.

Tetapi antara *eir* dan *nafir* antara kekayaan dengan peperangan, Allah pilihkan *al-nafir* untuk mereka.

Maka seperti mana yang diceritakan oleh Sayyidina Ali, tidak ada seorang pun yang berkuda dari kalangan kami kecuali Saiyyida al-Miqdad Ibn Aswad.

Dan di sepanjang malam hari itu tidak ada seorang pun daripada kami melainkan tidur nyenyak di kepanjangan malam harinya, di sepanjang malam harinya kecuali Rasulullah SAW berzikir dan berdoa, bermunajat, meratap dan merintih dan menangis di depan Allah *Jalla Jalaluh*.

Asbab kerana dengan doa, asbab kerana dengan zikir, zikrullah pada hari itu bertepatan perang badar pada bulan Ramadhan dan mereka puasa.

Hari Jumaat adalah pertarungan perang mereka berpuasa, ibadah, kemudian dengan zikrullah, kemudian juga dengan doa dan munajat.

Nabi kita meratapkan ucapan:

إِنْ تَهْلِكْ هَذِهِ الْفِيئَةُ فَلَنْ تُعْبَدَ بَعْدَ الْيَوْمِ

Kalau Engkau musnahkan yang segelintir manusia ini takkan ada seorang pun yang akan menyembahMu ya Allah.

Dengan senjata doa, zikir dan munajat itulah kemenangan memihak kepada pasukan kaum Muslimin.

Begitulah juga dalam paparan sejarah pada waktu salah seorang panglima perang memperhatikan antara dua pasukan yang ketara berbeza.

Satu dengan tahajudnya, zikir, ibadah dan munajat, manakala yang satu lagi lengah dan lalai, berfoya-foya dengan hal-hal yang melengahkan, maka panglima perang itu mengatakan "Kalau akan berlaku peperangan, kalau kita akan meraih kemenangan maka kemenangan akan berpunca daripada kumpulan yang ahli ibadah ini, dan kalau seandainya kita akan mengalami kekalahan, maka kekalahan itu berpunca daripada kumpulan segelintir pasukan ini."

Maka kita berharap dengan kehadiran **Dahsyatnya Kuasa Selawat dan Doa** yang disusun oleh akhi al-fadhil ustaz Zakir ini akan memacu kita kembali dalam dunia seharian kita, di dalam bisnis, ekonomi, politik, pengajian, atau juga dengan keperluan-keperluan aktiviti kita sehari-hari akan senantiasa kita tertolong, akan senantiasa mendapatkan *taisir, tadbir, tashil*, daripada Allah Jalla jalaluh berkat *rabithoh qalbiah*, berkat *rabithoh* kita dengan Allah Jalla Jalaluh, اذْكُرُونِي اذْكُرْكُمْ ingatlah kalian kepadaKu, sebutlah namaKu, Aku akan mengingatmu dengan kemenangan, kesejahteraan, keselamatan dunia dan akhiratmu.

Jadi dalam pendahuluan kitab yang istimewa ini, ABI atas nama **MUHAMMAD NOURUDDIN MARBU ABDULLAH BANJAR** mengucapkan selamat kepada saudara ustaz Zakir yang telah berjaya untuk mengumpulkan dan juga menterjemahkan dan mempersembahkan kitab kuasa doa dan selawat kepada umum, kepada orang ramai secara khususnya.

Ucapan selamat kepada para penggemar majlis-majlis ilmu, majlis-majlis *talaqqi*, majlis-majlis *daurah* di mana sahaja mereka berada untuk senantiasa selalu banyak-banyak berselawat, banyak-banyak berzikir, banyak-banyak bermunajat, *inabah*, *'audah*, *rujuk* kepada Allah Jalla Jalaluh.

Mudah-mudahan ada manfaatnya sepatih kata pendahuluan daripada ABI daripada Bogor, seusai solat Maghrib malam keempat daripada bulan Muharram 1444.

Akhukum Fillah

MUHAMMAD NOURUDDIN

Wassalamualaikum wbt.

*Nota: Pendahuluan dari Syekhuna al-'Alim al-'Allamah penyusun terima pada 1 Ogos 2022 jam 9.47pm yang dikirimkan melalui kiriman whatsapp melalui saudara Us Hanif Derang.

Assalamualaikum WBT.

Yang berbahagia Ustaz Mohd Zakir bin Majid
Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman
Bandar Baru Darul Aman
06000 Jitra
Kedah Darul Aman

Yang berbahagia Tuan

Penulis berjudul **“SELAWAT DAN DOA - HIMPUNAN 25 SELAWAT DAN 56 DOA DARI AL-QURAN, KELEBIHAN DAN HURAIAN RINGKAS”**.

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas:

2. Dimaklumkan bahawa jabatan ini telah meneliti hasil penulisan berjudul **“SELAWAT DAN DOA- HIMPUNAN 25 SELAWAT DAN 56 DOA DARI AL-QURAN, KELEBIHAN DAN HURAIAN RINGKAS”** yang dikemukakan oleh pihak yang berbahagia tuan dan mendapati kandungan buku tersebut sangat berfaedah dan amat wajar diketengahkan dalam masyarakat.

3. Jabatan ini turut merakamkan sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah atas usaha murni pihak yang berbahagia tuan. Semoga keberkatan daripada amalan selawat dan doa yang dikongsi dalam buku tersebut dapat memberi impak terhadap perkembangan rohani para pembaca. Sekian.

WAWASAN UNTUK AGAMA DAN NEGARA
KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA

Saya yang menjalankan amanah

.....
Dato Paduka al-Syeikh Fadhil bin Haji Awang
DPSS, DSDK, EMK, BCK

MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

SEKAPUR SIREH PENYUSUN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ الْكَرِيمِ الَّذِي قَالَ عَنْهُ رَبُّهُ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الْحَبِيبِ
الْعَالِي الْقَدْرِ الْعَظِيمِ الْجَاهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ.

Pujian yang tidak terhingga dan bertepi dipanjatkan kepada Allah SWT yang mana dengan taufik, hidayah serta 'inayahNya penyusun dapat sempurnakan himpunan kecil ini yang dinamakan dengan **DAHSYATNYA KUASA SELAWAT & DOA; HIMPUNAN 25 SELAWAT DAN 56 DOA DARIPADA AL-QURAN.**

lanya tidak lebih daripada menghimpun, menyusun dan mengolahkan kembali apa yang telah dibuat oleh ulama' terdahulu dengan gaya terkini dan dipadankan dengan kesesuaian semasa dengan menggunakan bahasa Melayu agar ia boleh lebih dimanfaatkan oleh mereka yang tidak arif akan bahasa arab.



Sahabat fillah sekalian;

Selawat dan doa adalah merupakan dua elemen yang sangat penting dan tidak boleh dipisahkan dari kehidupan setiap muslim. Kedua-duanya adalah merupakan perkara yang telah diperintahkan kepada kita oleh Allah SWT untuk diperbanyakkan dan dilaksanakan dalam berbagai-bagai keadaan dan ketika.

Selawat adalah lambang kecintaan kepada baginda Rasulullah ﷺ dan penyebab kepada memperoleh kebaikan yang banyak di dunia dan akhirat.

Manakala doa pula adalah lambang kerendahan dan penghinaan diri kepada Allah SWT serta bukti pengakuan kedaifan diri kepada Zat yang Maha Mulia lagi Tinggi.

Oleh yang demikian, selawat dan doa mestilah dijadikan sebagai amalan yang sehati dan membumi dalam diri setiap muslim.

Mudah-mudahan dengannya akan beroleh kejayaan, keberuntungan dan berbagai-bagai kebaikan di dunia dan akhirat.

محمد

الله

ISBN 978-967-19367-2-6



9 789671 936726



MSE

MAKKU SAYANG
ENTERPRISE

Malaysia : **25.00 MYR**

Brunei : **9.00 BND**

Indonesia : **90.000 IDR**